

Model ekonomi dokong aspirasi rakyat, negara

Ahli Parlimen
perlu memandang
jauh, TPPA
berpotensi buka
pasaran baharu

pentingan tertentu. Tidak mungkin kerajaan membiarkan kos ubat meningkat, syarikat bergasi akan bebas berniaga di negara kita menyebabkan usahawan kecil dan Bumiputera terpaksa bersaing dengan syarikat bergasi dari luar negara.

Malah, ada ramalan menyatakan penindasan pekerja tempatan dan menghalang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bersaing di luar negara. Tidak perlulah mengulas lanjut hal TPPA dari aspek ekonomi



**AHMAD
FAUZI
MUSTAFA**

Setiap rang undang-undang yang baru, pindaan atau dimansuhkan waima setiap usul pun hendaklah dipersetujui suara majoriti dalam Parlimen. Tidak terkecuali usul bagi Malaysia menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang bermula hari ini selama dua hari di Dewan Rakyat dan sehari di Dewan Negara. Ramai masih tertanya-tanya apakah kepentingan TPPA yang perlu dibawa ke proses legislatif. Secara umum, penulis boleh nyatakan bahawa TPPA adalah satu perjanjian terikat membabitkan negara Asia Pasifik yang boleh berniaga di pasaran negara ahli secara terbuka.

Bakal kebaikannya kepada kita ialah memudahkan produk Malaysia memasuki pasaran luar negara, meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan rakyat, duti import bagi hampir semua produk akan dihapuskan di bawah TPPA dan meningkatkan peluang pekerjaan di negara ahli TPPA.

Yang menjadi kebimbangan segelintir rakyat ialah kedaulatan negara tercemar, manakala Islam dan Bumiputera terancam. Malah, segala bentuk perjanjian dalam TPPA didakwa rahsia dan penuh tipu helah.



Penjelasan elak tanggapan buruk

Memburukkan keadaan, sangkaan bahawa penjajahan ekonomi alaf baharu ini mengacar kebebasan hak dan kedaulatan sebuah negara sehingga menganggap pemerintah lebih memberatkan hubungan korporat berbanding kesejahteraan rakyat. Desakan turut didengari betapa negara akan dijual dan desakan kuat yang mahu setiap Ahli Parlimen menolak TPPA sebagai bentedg terakhir suara rakyat.

Memang setiap rakyat dan Ahli Parlimen punya hak dan pendirian masing-masing tetapi mesti ada asas, logik, waras, wajar dan ilmu dalam mewacanakan lontaran idea dalam perbahasan itu kelak. Sejak 2010, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan pasukannya membuat lebih 50 pembentangan kepada Kaukus Parlimen mengenai TPPA dan sidang Kabinet.

Setiap isu dibangkitkan dibawa semula ke meja rundingan. Tidak hairanlah Malaysia nyaris tersingkir akibat senarai syarat yang dikemukakan begitu padat. Kebanyakan syarat itu diterima dan tentu segala penat lelah setelah sekian lama berjaya melahirkan hasil positif.

Jadi tidaklah sewenang-wenangnya kerajaan menggunakan Parlimen demi ke-

kerana kerajaan sudah menterangkannya menerusi pelbagai saluran.

Tempoh dua tahun untuk pengesahan

Yang paling penting ialah Parlimen akan membuat keputusan sama ada bersetuju atau tidak dengan TPPA dan jika Parlimen bersetuju sekali pun, Malaysia mempunyai tempoh dua tahun untuk ratifikasi atau pengesahan dan ia masih boleh ditolak dalam tempoh itu.

Peranan Ahli Parlimen masa kini jauh lebih mencabar dalam aspek sebagai penggubal undang-undang. Kalau kita lihat pada era 1950 hingga 1960-an, peranan Ahli Parlimen lebih kepada usaha untuk membalikan kedaulatan negara, kemerdekaan, pembangunan dan perpaduan kaum.

Pada era 2016 dan menjelang 2020, peranan Ahli Parlimen adalah memper-tahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara, memacu pembangunan ekonomi dan pemikiran rakyat pada aras tinggi serta menghalau tuju landskap ekonomi negara dengan model ekonomi yang terkini dan selari dengan ledakan proses globalisasi.

Sebab itu, Ahli Parlimen perlu memandang jauh betapa TPPA berpotensi membantu membuka pasaran baharu kepada Malaysia apabila ia dilaksanakan sepenuhnya dan menjana lebih banyak peluang dalam sektor eksport, memandangkan negara memiliki pasaran domestik yang agak terhad.

Ahli Parlimen perlu berbahas dalam menekankan aspek ruang untuk menggalakkan kemasukan lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia, usaha memantapkan lagi peluang serta daya saing PKS, sekali gus merancakkan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Tanpa Parlimen, TPPA tiada artinya jua. Atas faktor itu dan amalan demokrasi berparlimen Raja Berperlembagaan, kerajaan bersungguh-sungguh untuk meyakinkan Ahli Parlimen bahawa ini adalah antara model ekonomi terbaik bagi setiap pemain dalam negara berpeluang bersaing di pasaran negara yang menganggotai TPPA kelak.

Rakyat tidak harus bimbang kerana Ahli Parlimen, terutama Ahli Parlimen Barisan Nasional mendokong aspirasi negara dan rakyat. Buktiinya, nikmat yang dikecapi sejak kemerdekaan tidak boleh dinafikan.



Penulis

ialah Ketua Penyelidik di Pusat Penyelidikan Strategik (PPS), badan pemikir bebas sosiomediapolitik dan pernah terbabit dalam institusi keparlimenan selama 10 tahun

SIDANG REDAKSI

Pengarang Usuran
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Mahfar Ali
mafah@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Badrulhisham
Othman
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran Percetakan & Digital
Rosli Safar
rosli@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Berita/Rencana/Digital
Ahmad Zaini
Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M) Bhd,
31, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03 20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my